

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEDUA BELAS NEGERI SABAH

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.sabah.gov.my/dun>

ISNIN, 24 SEPTEMBER 2007, JAM 10:00 PAGI

Bil. 05

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

01. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI, bolehkah kerajaan menjelaskan konsep Kota Agropolitan untuk Pulau Banggi. Bagaimanakah kaedah kerajaan dalam memastikan Banggi membangun dalam industri pertanian dan dalam masa yang sama memelihara alam untuk memperkasa eko-pelancongan sesuai dengan kawasan pesisir dan laut Pulau Banggi sebagai yang terunik di dunia.
02. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah perkembangan terkini mengenai Projek Perumahan Pemindahan mangsa banjir di Bukit Garam dan Kampung Balat.
03. **Y.B. Datuk Michael Asang [Labuk]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR:-
 - a) Sehingga kini apakah perkembangan berhubung dengan kenyataan Menteri Kerja Raya Malaysia yang berhasrat untuk mengambil alih pentadbiran Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah; dan
 - b) Sama ada kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan tersebut yang memusatkan pentadbiran JKR Negeri di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia.
04. **Y.B. Datuk Hj. Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, berapakah bantuan menerusi pelbagai skim yang dikendalikannya setakat ini. Apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan tidak berlaku kes tersalah beri kepada mereka yang tidak layak.
05. **Y.B. Datuk Mohammad Lan Bin Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, apakah kerajaan sanggup memberi lebih kelonggaran terhadap pengurusan dan operasi syarikat-syarikat milik kerajaan yang terbukti mempunyai daya saing.

06. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan pencemaran Sungai Kinabatangan dapat dikawal dimana sungai tersebut adalah sumber air minum kepada Sandakan melalui loji penapis air di Bukit Garam yang terpaksa diperhentikan beberapa kali pada tahun ini akibat air sungai yang terlalu kotor.
07. **Y.B. Datuk Dr. Haji Patawari bin Haji Patawe [Sebatik]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, apakah tindakan KKIP kepada pembeli tanah yang membeli tanah di KKIP tetapi tidak membangunkannya dan apakah KKIP ada rancangan untuk membantu pemilik tanah untuk mencari pembeli atau pelabur untuk mengusahakan tanah tersebut.
08. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-
- a) Berapakah jumlah jangkaan kerugian kepada para petani di seluruh negeri akibat hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat, tanah runtuh dan kerosakan tanam-tanaman; dan
 - b) Apakah langkah-langkah kementerian dalam membantu para petani untuk mengatasi keadaan kritikal seumpama ini.
09. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, apakah harapan kerajaan dengan tertubuhnya Tribunal Perumahan yang baru dilancarkan untuk Negeri Sabah. Apakah jenis perkhidmatan yang diperkenalkan oleh tribunal ini.
10. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, berapakah kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk menganjurkan Sukan Sabah (SAGA 3) yang diadakan di Daerah Tawau.
11. **Y.B. Datuk Hj. Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, apakah usaha yang dilakukan kementerian bagi menentukan kemudahan ICT seperti internet sampai ke kawasan luar bandar dan terpencil. Setakat ini, berapa peratuskah kawasan sudah diliputi ICT dan jangka masa untuk memenuhi keperluan rakyat.
12. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapa *subsidiary title* telah dikeluarkan dalam tahun 2005 dan tahun 2006 dan berapa permohonan masih sedang dalam proses hingga hari ini.
13. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, adakah kerajaan sudah mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan tahap pencapaian dalam peperiksaan di kalangan sekolah-sekolah di Negeri Sabah adalah

rendah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

14. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, kerajaan pada 17 Julai tahun ini telah mengumumkan peruntukan RM210 juta untuk projek pembangunan air Daerah Keningau jangka panjang 2050. Bilakah projek ini akan dibina dan bila dijangka siap.
15. **Y.B. Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah penggunaan racun serangga dan bahan kimia yang digunakan oleh petani tanah tinggi khususnya petani-petani warganegara asing yang banyak terdapat di kawasan pertanian di Mukim Kundasang.
16. **Y.B. Datuk Hj. Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN bahawa syarikat perjudian 4 nombor ekar di Sabah sering mengadakan cabutan khas (*special draw*). Di bawah peraturan kerajaan, ia hanya dibenarkan untuk tujuan kebajikan. Adakah syarikat perjudian memaklumkan kerajaan jumlah kutipan tersebut dan adakah kutipan itu telah disalurkan untuk tujuan dan program kebajikan yang dibiayai oleh kerajaan.
17. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, berapakah hasil yang telah diperolehi oleh kerajaan melalui hasil ladang PPRT di Daerah Tongod.
18. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan masalah kekurangan bekalan simen seringkali berlaku memandangkan masalah ini telah menjejaskan projek dan program pembangunan di seluruh Negeri Sabah.
19. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA, apakah langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengawal harga khususnya sempena Aidilfitri dan perayaan-perayaan lain yang akan menyusul.
20. **Y.B. Tuan Johnny Goh [Inanam]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, sama ada terdapat perbezaan cukai pintu di antara satu daerah dengan daerah lain atau berlaku perbezaan cukai pintu berdasarkan reka bentuk keluasan bangunan dan sama ada cukai pintu dikenakan keatas tanah geran sahaja tanpa ada bangunan jika termasuk dalam kawasan persekitaran.

21. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, sejauh manakah kejayaan SAGA dalam melahirkan dan menggilap potensi ahli sukan terbaik Sabah untuk bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
22. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan pembalakan haram tidak akan berterusan terutama sekali dalam mengembalikan imej Jabatan Hutan sebagai pemegang amanah bagi kawasan-kawasan hutan negeri selepas penangkapan kayu-kayu yang dikatakan ditumbang secara haram baru-baru ini.
23. **Y.B. Datuk Rubin Balang [Kemabong]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, berapa ramaikah ternakan lembu tenusu dan pemohon ternakan kambing di Daerah Tenom dan Kemabong yang telah diluluskan oleh kerajaan setakat ini.
24. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, apakah pelaksanaan MESEJ mengikut jadual dan berapa ramaikah KIRT mampu dikeluarkan dari miskin tegar melalui program tersebut.
25. **Y.B. Datuk Dr. Maximus J. Ongkili [Tandek]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah aktiviti atau kempen pelancongan yang telah dilakukan di negeri Sabah sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 bagi meningkatkan penyertaan dikalangan masyarakat luar bandar dan pelbagai sektor lain dalam menjayakan Tahun Melawat Malaysia ini.
26. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada KETUA MENTERI, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk meneroka pembangunan "*Forest Produce*" untuk mengeluarkan herba dan "*Medicinal Products*" untuk jangka masa panjang seperti mana yang dikehendaki di bawah RMK-9.
27. **Y.B. Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia [Tempasuk]** bertanya kepada MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah pendekatan baru yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk meningkatkan lagi prestasi pencapaian industri pelancongan negeri ini sejak portfolio ini di ambil alih Yang Berhormat Menteri.
28. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, sama ada semua pihak berkuasa dapat mengeluarkan jawapan bertulis dalam satu masa yang ditetapkan kepada surat-surat aduan yang diterima daripada orang ramai termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri yang merasa kecewa kerana tidak mendapat sebarang jawapan pada masa ini.
29. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, adakah kerajaan negeri memantau dan menyedari kegiatan sindiket-sindiket atau agensi-agensi mencari pekerja untuk dihantar ke luar negeri

terutama Singapura dimana ramai menjadi mangsa penipuan sindiket berkenaan dan terpaksa menghadapi pelbagai masalah yang sangat menyedihkan. Apakah cadangan kerajaan untuk menangani isu ini.

30. **Y.B. Tuan Herbert Timbon Lagadan [Kedamaian]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, berapakah buah Klinik Desa yang telah diluluskan pembinaannya di kawasan Kedamaian dalam RMK-9 dan bilakah ianya akan dilaksanakan.
31. **Y.B. Datuk John Ghani [Kuala Penyu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, bilakah jalan raya Malikai-Mansud-Kerukan sejauh (25KM), Kebunau-Kiambor-Nalintang-Batu Empat-Tempurong-Mansud sejauh (27KM) dan Jambatan Sungai Sitompok dapat dilaksanakan.
32. **Y.B. Tuan Md. Kamil bin Datuk Hj. Mohd. Kassim [Tanjung Batu]** bertanya kepada KETUA MENTERI, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina sebuah Poliklinik serta menempatkan Pegawai Perubatan di Kampung Kalabakan dalam RMK-9 memandangkan kawasan ini terletak hampir 100 kilometer dari Bandar Tawau dan penduduknya kini menjangkau 7000 orang.
33. **Y.B. Datuk Hj. Jasa Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah rancangan jangka panjang dan jangka pendek pihak kementerian dalam menangani gejala sosial di kalangan remaja yang berleluasa sekarang ini.
34. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, apakah peratusan pengangguran menurun sebanyak 3% yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini melibatkan Negeri Sabah.
35. **Y.B. Datuk Hj. Jasa Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN, sejauh manakah keberkesanan pemberian kontrak (Kelas F) melalui sistem cabutan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) setakat ini dan apakah pelaksanaannya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Soalan-soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.

RISALAH-RISALAH MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN

		Tarikh Diterima	Tarikh dibentang
CMD. 2 Tahun 2007	Anggaran Perbekalan Tambahan Pertama 2007.	12.09.2006	24.09.2007
CMD. 3 Tahun 2007	Penyata Tambahan Kedua Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2007.	12.09.2006	24.09.2007
LA 1 Tahun 2007	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2006.	18.09.2007	
LA 2 Tahun 2007	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2006.	18.09.2007	
S 24 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) bagi tahun berakhir 31.12.2003.	04.04.2007	24.09.2007
S 25 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) bagi tahun berakhir 31.12.2004.	20.04.2007	24.09.2007
S 26 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Perbandaran Sandakan bagi tahun berakhir 31.12.2004.	20.04.2007	24.09.2007
S 27 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Tambunan bagi tahun berakhir 31.12.2006.	20.04.2007	24.09.2007
S 28 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Sipitang bagi tahun berakhir 31.12.2006.	17.05.2007	24.09.2007

RISALAH-RISALAH MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN (*Sambungan*)

		Tarikh Diterima	Tarikh dibentang
S 29 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Tuaran bagi tahun berakhir 31.12.2002.	<i>08.06.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 30 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Perbandaran Sandakan bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>08.06.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 31 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Kota Belud bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>08.06.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 32 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Perbadanan Pinjaman Sabah bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>08.06.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 33 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>12.07.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 34 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Penampang bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>16.07.2007</i>	
S 35 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Tenom bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>16.07.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 36 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Yayasan Sabah bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>17.08.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 37 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Akaun Majlis Perbandaran Tawau bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>30.08.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 38 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Akaun Majlis Daerah Kuala Penyu bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>30.08.2007</i>	<i>24.09.2007</i>

\

RISALAH-RISALAH MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN (*Sambungan*)

		Tarikh Diterima	Tarikh dibentang
S 39 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Akaun Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>30.08.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 40 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Akaun Majlis Daerah Semporna bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>30.08.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 41 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Korporasi Pembangunan Desa bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>06.09.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 42 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Yayasan Sabah bagi tahun berakhir 31.12.2005.	<i>06.09.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 43 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Sukan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>06.09.2007</i>	<i>24.09.2007</i>
S 44 Tahun 2007	Sijil Ketua Audit Negara mengenai akaun Majlis Daerah Beaufort bagi tahun berakhir 31.12.2006.	<i>18.09.2007</i>	<i>24.09.2007</i>